

03 JUN 1997

Awnar-Rasuah

NAMA ORANG DIKATAKAN RASUAH TIDAK AKAN DIDEDAH SEHINGGA TERBUKTI

SHAH ALAM, 3 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata kerajaan tidak akan mendedahkan nama mereka yang dikatakan terlibat dalam rasuah sebelum kesalahan itu terbukti dan mereka dihadapkan ke mahkamah.

Pemangku Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mahu berlaku ketidakadilan semata-mata kerana ada aduan terhadap mereka.

"Saya tak mahu nama baik mereka terjejas sebelum kesalahan mereka terbukti dan mereka dihadapkan ke mahkamah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai pemikir Islam, Muhammad Iqbal di sini.

Beliau berkata oleh yang demikian kerajaan tidak bersedia untuk mendedahkan nama-nama mereka sebaik sahaja menerima aduan mengenai rasuah dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan siasatan.

Menurutnya, nama-nama itu akan hanya didedahkan setelah siasatan dibuat dan keputusan diambil untuk menghadapkan mereka ke mahkamah.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita mengenai tujuh lagi aduan rasuah yang dikatakan melibatkan anggota Exco beberapa kerajaan negeri selain bekas anggota Exco kerajaan Melaka Datuk Sahar Arpan yang dihadapkan ke mahkamah semalam.

Sambil menegaskan bahawa kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap salah laku rasuah melibatkan anggota pentadbiran, politik mahupun orang ramai, Anwar berkata setiap aduan perlu diteliti kerana ada juga aduan yang dibuat berupa fitnah semata-mata.

"Kadang-kadang kita tengoklah...ada orang bila dia minta tanah, tak dapat, dia boleh buat fitnah, dia mohon kontrak, tak dapat, dia boleh buat fitnah. Kadang-kadang memang ada kes rasuah dan kadang-kadang pula tidak ada," katanya.

Beliau berkata oleh kerana rasuah merupakan soal moral dan soal keadilan, tidaklah boleh diandaikan jika seorang terlibat, yang lain juga dianggap terlibat.

"Saya tidak mahu kerana keghairahan kita menyebabkan kita melakukan ketidakadilan," katanya.

Anwar berkata beliau tahu masyarakat merasakan perlu tindakan diambil dalam menangani rasuah dan kerajaan sememangnya sentiasa bertindak tegas tetapi dalam hal itu ia memerlukan bukti dan maklumat.

Anwar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berbincang panjang lebar dengannya mengenai soal rasuah sebelum berlepas ke luar negara dan beliau (Anwar) sering berhubung untuk memaklumkan Dr Mahathir mengenai sebarang perkembangan.

"Kita telah mengambil keputusan bersama untuk bertegas dan tidak bertolak ansur dengan salah laku dan perilaku rasuah," katanya.

Ketika ditanya sama ada lebih banyak kes rasuah melibatkan pemimpin politik akan dibawa ke mahkamah, beliau berkata amaran yang cukup telah diberikan sebelum ini dan kini beberapa tindakan sudah diambil dan ia akan diteruskan.

Mengenai perisytiharan harta yang dibuat oleh Anggota Exco dan Anggota Dewan Undangan Negeri kepada BPR, beliau berkata ia telah lama dijalankan, cuma kini BPR telah diminta meningkatkannya dengan diberikan lebih kuasa, lebih kakitangan dan sumber.

"Arahan itu memang telah ada dan kita minta BPR mengemaskinikan maklumat mengenai kedudukan di negeri-negeri, jadi kita menjadikannya sebagai proses termasuklah melibatkan pelantikan exco-exco baru yang kita

mahu lihat perisytiharan harta dikemaskini," katanya.

Mengenai status Sahar, beliau berkata urusan itu yang melibatkan parti akan dibincangkan dalam parti Khamis ini. -- BERNAMA

MNY MAI